

12 OCT 1996

PM TERIMA HADIAH BUKU, VIDEO "JEJAK-JEJAK PEJUANG"

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dihadiah senaskhah buku berjudul "Jejak-jejak Pejuang" dan dua pita video dengan tajuk yang sama daripada penulisnya Tan Sri Abdul Samad Idris, tokoh veteran Umno.

Samad menyampaikan buku dan pita video itu selepas Dr Mahatir melawat gerai-gerai di ruang legar Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tempat berlangsungnya Persidangan Agung Umno.

"Jejak-jejak Pejuang" yang dihasilkan dengan bantuan bekas penerbit RTM, Naharuddin Haji Ali, memuatkan kisah pejuang Melayu seperti Za'aba, Tan Sri Ghazali Jawi, Abdul Samad Ahmad, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Hajah Anjah Arif, Datuk Haji Ahmad Abdullah Badawi, Tan Sri Syed Jaafar Albar, Tan Sri Bahaman Shamsuddin, Datuk Abu Bakar Baginda dan Hajah Zainon Sulaiman (Ibu Zain).

Menurut Samad, kira-kira 2,000 naskhah buku itu dicetak dan akan dihantar ke sekolah-sekolah untuk dijadikan bahan rujukan manakala Mara bersetuju mengirimbanya ke luar negara untuk bacaan pelajar tajaannya.

Pita video yang dibahagi kepada dua bahagian itu pula akan disiarkan RTM sedikit masa lagi. -- BERNAMA

ZAB NMO